



**KEMENTERIAN PERLADANGAN DAN KOMODITI
MALAYSIA**

SIARAN MEDIA

**KPK SUMBANG RM850,566.23 KEPADA TABUNG KEMANUSIAAN PALESTIN
PERKHIDMATAN AWAM**

Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Perladangan dan Komoditi, YAB Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof hari ini menerima sumbangan untuk Tabung Kemanusiaan Palestin berjumlah RM850,566.23 daripada warga Kementerian Perladangan dan Komoditi (KPK) dan agensi-agensi dibawah KPK sebagai tanda menyokong misi kemanusiaan terhadap rakyat Palestin.

Sumbangan yang diselaraskan oleh Kelab Sukan dan Kebajikan KPK ini melibatkan hasil kutipan daripada seluruh warga Kementerian dan agensi di bawah Kementerian. Selain wang tunai, KPK melalui Majlis Getah Malaysia turut menyumbang 100,000 sarung tangan getah yang akan disumbangkan kepada Pasukan Perubatan di Semenanjung Gaza.

Inisiatif kutipan sumbangan ini merupakan tanda sokongan KPK mendukung inisiatif Tabung Kemanusiaan Palestin bagi Perkhidmatan Awam yang telah dilancarkan oleh Ketua Setiausaha Negara (KSN), YBhg. Dato' Seri Tan Sri Mohd Zuki bin Ali pada 24 Oktober yang lalu.

KPK sentiasa menyokong sebarang inisiatif murni dan misi kemanusiaan sejagat termasuk membantu meringankan kesengsaraan yang sedang dialami oleh rakyat Palestin.

Sesi ini turut dihadiri oleh Timbalan Menteri KPK, YB Datuk Siti Aminah Binti Aching, Ketua Setiausaha KPK, YBhg. Dato' Mad Zaidi bin Mohd Karli dan pegawai-pegawai Kementerian dan agensi.

KEMENTERIAN PERLADANGAN DAN KOMODITI

10 November 2023

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT | KEMENTERIAN PERLADANGAN DAN KOMODITI



www.kpk.gov.my



Kementerian Perladangan dan Komoditi



mykomoditi

No. 15, Aras 8, Persiaran Perdana, Presint 2, 62654 Putrajaya, Malaysia.
Tel: 03-88803322 e-mel: ukk@kpk.gov.my